



**PEMACU  
INTELEK**

**PEMACU  
INTELEK**

9 SEPTEMBER 2021 |  zoom  
5.30 PETANG

## FOCUS GROUP DISCUSSION

**KERTAS KONSULTASI AWAM:  
PENAMBAHBAIKAN DASAR  
PEROLEHAN KERAJAAN BERKAITAN  
BARANGAN /PERKHIDMATAN  
TEMPATAN DAN BUMIPUTERA**



# FOCUS GROUP DISCUSSION: PEMACU INTELEK

<b>Program</b>	Penambahbaikan Dasar Perolehan Kerajaan Barangan Tempatan dan Bumiputera
<b>Tarikh</b>	9 September 2021 (Khamis), 5.30 – 7.30 petang
<b>Platform</b>	Aplikasi Zoom

# Informasi Program

Bahan	Penerangan
Tajuk Program	PEMACU Intelek: Penambahbaikan Dasar Perolehan Kerajaan Barangan Tempatan dan Bumiputera
Pengenalan	<p>Sebagai salah satu usaha menambahbaik ketelusan dan keterangkuman di dalam proses penyediaan bajet tahunan, Kementerian Kewangan (MOF) telah menerbitkan Kertas Konsultasi Awam (KKA) sebagai pelengkap kepada Kenyataan Pra-Bajet 2022 yang diterbitkan pada 31 Ogos 2021.</p> <p>Sebagai langkah permulaan, empat kertas konsultasi awam akan diterbitkan untuk mendapatkan input kepada Bajet 2022, iaitu: Penambahbaikan Dasar Perolehan Kerajaan Berkaitan Barangan/ Perkhidmatan Tempatan dan Bumiputera Penambahbaikan Program Bantuan Tunai Kajian Insentif Cukai Penggubalan Akta Tanggungjawab Fiskal atau Fiscal Responsibility Act (FRA)</p>
Latar Belakang	<p>Kerajaan telah menguatkuasakan Dasar Penggunaan Barangan/Perkhidmatan Tempatan Dalam Perolehan Kerajaan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 4 Tahun 1996 sebagai antara inisiatif untuk mengurangkan defisit imbalan pembayaran negara dengan meningkatkan penggunaan barang buatan Malaysia selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 6 September 1995.</p> <p>Berdasarkan lawatan pematuhan dan sesi libat urus yang dilaksanakan, beberapa isu pelaksanaan dasar perolehan telah dikenalpasti seperti perbezaan takrifan barangan/perkhidmatan tempatan oleh pelbagai agensi seperti Kementerian Kewangan (MoF), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang menyebabkan keclaruan kepada pencapaian dasar, ketiadaan pusat rujukan setempat berkaitan maklumat barangan/perkhidmatan tempatan, perbezaan harga yang ketara antara barangan tempatan dan import dan tadbir urus yang longgar apabila tiada agensi pusat yang dipertanggungjawabkan untuk memantau dan melaksanakan penguatkuasaan dasar</p>
Objektif Program	<ol style="list-style-type: none"><li data-bbox="333 985 2509 1113">1. Mengumpulkan cadangan penambahbaikan ke atas dasar perolehan Kerajaan berhubung dua perkara iaitu:<ol style="list-style-type: none"><li data-bbox="333 1028 2509 1071">i. penguatkuasaan dasar penggunaan barangan/perkhidmatan tempatan dalam perolehan Kerajaan; dan</li><li data-bbox="333 1071 2509 1113">ii. pemerkasaan pelaksanaan dasar keutamaan syarikat Bumiputera dalam perolehan Kerajaan</li></ol></li><li data-bbox="333 1142 2509 1373">2. Untuk memberi cadangan input berkaitan dasar/polisi kepada Kerajaan sebagai satu usaha kolektif dalam menyokong matlamat meningkatkan keterangkuman (inclusivity) komuniti demi membina semula daya tahan (rebuilding resilience) negara &amp; menyokong matlamat Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB 2030) bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang beradab, makmur dan sejahtera</li></ol>

# Informasi Program (sambungan)

Bahan	Penerangan
Platform	Aplikasi Zoom
Tarikh	9 September 2021
Masa	5.30 – 7.30 petang
Maklumat Peserta	Kerajaan, Ahli Akademik, Pemimpin Korporat, Badan Pemikir, Pakar Subjek, Penjawat Awam, Organisasi Masyarakat Sipil
Kehadiran	
Sumber Data	Aplikasi Zoom
Bilangan Kehadiran	18 orang

## Informasi Program (sambungan)

MASA	TENTATIF
5.30 - 5.38 petang	<b>Kata-kata Aluan</b> En. Azril Mohd Amin, CEO MASA
5.38 - 5.40 petang	<b>Sesi Bergambar</b>
5.40 - 5.50 petang	<b>Pembentangan Kertas Konsultasi</b> Moderator: En. Azril Mohd Amin
5.50 – 7.00 petang	<b>Sesi perbincangan Soalan yang diajukan</b>
7.00 - 7.15 petang	<b>Rumusan dan Penutup</b>

# Informasi Program (sambungan) - Poster

## BAJET 2022 - KERTAS KONSULTASI AWAM



AKTA TANGGUNGJAWAB FISKAL



KAJIAN KE ATAS INSENTIF CUKAI



PENAMBAHBAIKAN PROGRAM BANTUAN TUNAI KERAJAAN



PENAMBAHBAIKAN DASAR PEROLEHAN KERAJAAN BERKAITAN BARANGAN/PERKHIDMATAN TEMPATAN DAN BUMIPUTERA

    @INSTITUTMASA

 [INSTITUTMASA.COM](https://www.institutmasa.com)





9 SEPTEMBER 2021 |  
5.30 PETANG



## FOCUS GROUP DISCUSSION

KERTAS KONSULTASI AWAM:  
PENAMBAHBAIKAN DASAR PEROLEHAN KERAJAAN BERKAITAN BARANGAN /PERKHIDMATAN TEMPATAN DAN BUMIPUTERA

    @INSTITUTMASA

 [INSTITUTMASA.COM](https://www.institutmasa.com)



# Soalan yang diajukan & Maklumbalas daripada Peserta (1/5)

## Penguatkuasaan Dasar Penggunaan Barangan/Perkhidmatan Tempatan Dalam Perolehan Kerajaan

No.	Soalan	Jawapan/Maklum Balas
1	Pada pandangan anda sejauh mana Dasar Barangan/Perkhidmatan Tempatan sedia ada membantu meningkatkan kapasiti industri tempatan terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk bersaing secara global?	<ul style="list-style-type: none"><li>• Perlu diwujudkan graduation program yang ketat dan transparent. Adalah disyorkan agar semua penerima program peningkatan kapasiti diletakkan/disiarkan di dalam portal khusus yang boleh diakses umum dan semua data mengenai kontrak-kontrak yang diperolehi oleh syarikat tersebut dipamerkan dengan telus.</li><li>• Dasar barangan/ perkhidmatan tempatan sedia ada tidak dirangka untuk membantu meningkatkan kapasiti industri tempatan tetapi bermotifkan political reward di mana ahli-ahli politik memberi ganjaran kepada penyokong/orang bawahannya.</li><li>• Networking atau jaringan dengan multinasional mesti diperkembangkan supaya PKS yang menjadi pembekal /vendor kepada mereka dapat mempelajari teknik pembuatan yang terkini dan meningkatkan kualiti barangan. Kerajaan boleh merangka skim insentif seperti tax rebate/tax holiday kepada syarikat multinasional yang terlibat.</li><li>• Dasar ini dapat menaik taraf PKS mikro kepada saiz yang lebih besar, terutama PKS Bumiputera yang kebanyakannya terlalu kecil dan tidak menggunakan teknologi terkini.</li><li>• Dasar ini dapat meningkatkan kapasiti dari segi modal, kualiti dan kreativiti produk yang ingin dipasarkan secara umum.</li><li>• Namun, ada juga berpandangan yang dasar ini tidak membantu. There is no enforcement to buy Malaysian first which is a shame as Malaysian products are at par with global markets. They are unwilling to take the risk. Malaysians will only buy local products that have made it in overseas markets – they consider this validation.</li></ul>

# Soalan yang diajukan & Maklumbalas daripada Peserta (2/5)

## Penguatkuasaan Dasar Penggunaan Barangan/Perkhidmatan Tempatan Dalam Perolehan Kerajaan

No.	Soalan	Jawapan/Maklum Balas
2	Apakah halangan yang dikenal pasti menyebabkan dasar ini dilihat kurang berjaya?	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tiada proses pelaporan dan program graduasi yang telus.</li><li>• Tiada “exit strategy” dan penerima bantuan kerajaan akan selama-lamanya menerima bantuan tersebut (long dependency recipient).</li><li>• Ada kecenderungan dalam kalangan ahli politik untuk menyokong perniagaan yang lebih stabil.</li><li>• Komitmen Kerajaan mestilah dizahirkan dengan padu. Dasar mesti disusuli dengan memastikan satu sahaja agensi tunggal, bukan multi-agencies yang memantau, mengawal dan melapor segala aktiviti dan pencapaian oleh satu agensi sahaja. Agensi tunggal ini mesti diberikan KPI dan kuasa untuk melaksana dan menghukum pemegang taruh yang melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan.</li><li>• Peluang untuk mempromosikan barangan PKS Tempatan ke luar negara.</li></ul>
3	Apa pandangan anda ke atas cadangan agar diwujudkan satu pusat rujukan setempat bagi mengumpulkan maklumat asas segala barangan/perkhidmatan yang dikeluarkan oleh syarikat tempatan & keperluan agensi Kerajaan untuk merujuk kepada platform ini untuk mendapatkan maklumat kesediaan barangan/perkhidmatan tempatan sebelum melaksanakan sebut harga/tender?	<ul style="list-style-type: none"><li>• Setuju, ianya patut ditambah pelbagai agensi terfokus lain seperti Bumiputera, Local, Start-up, Social Enterprise yang dikawal selia oleh individu berintegriti dan pihak yang tidak mempunyai kepentingan.</li><li>• Agensi tunggal yang dicadangkan di atas perlu menjadi agensi setempat dan bertanggungjawab mengumpul maklumat asas.</li><li>• “Weightage” yang tinggi patut diberikan kepada syarikat yang memberi impak paling besar kepada rakyat Malaysia. Sekiranya kurang impak, maka weightage juga perlu dikurangkan.</li><li>• Namun, kewujudan terlalu banyak central agency akan menyebabkan lebih banyak karenah birokrasi.</li></ul>



# Soalan yang diajukan & Maklumbalas daripada Peserta (3/5)

## Penguatkuasaan Dasar Penggunaan Barangan/Perkhidmatan Tempatan Dalam Perolehan Kerajaan

No.	Soalan	Jawapan/Maklum Balas
4	Pada pandangan adakah wujud keperluan agar pihak berkuasa yang meluluskan perolehan import perlu dipusatkan kepada satu Kementerian ATAU diberi kuasa kepada semua Kementerian supaya proses pelaksanaan perolehan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien?	<ul style="list-style-type: none"><li>• Approved Permit (AP) patut dimansuhkan atau terhad kepada barang kawalan seperti senjata, ubat dan racun.</li><li>• Kelulusan AP patut diselenggara oleh kementerian atau industri berkenaan. Bagaimanapun, cadangan ini akan meningkatkan kos dan penggunaan sumber manusia.</li><li>• “Exit strategy” berdasarkan situasi semasa perlu diwujudkan. Malaysia boleh mengambil contoh negara Jepun yang menjadikan strategi harga (premium price, priority price and below-market price) sebagai mekanisme “exit strategy” untuk membolehkan perusahaan tempatan bangkit dengan lebih efisien dan terlibat dengan aktiviti eksport dan import secara berdaya saing.</li><li>• Sistem pendigitalan mungkin boleh membantu memudahkan proses permohonan dan membuat keputusan.</li></ul>
5	Pada pandangan anda, adakah pelaksanaan Keutamaan Harga (MOP) mampu mengatasi isu perbezaan harga ini? Jika tidak membantu, apakah cadangan yang boleh menyelesaikan isu ini?	<ul style="list-style-type: none"><li>• Margin of preference (MOP) boleh dimansuhkan sekiranya “weightage” yang tinggi diberikan kepada syarikat yang memberi impak paling besar dilaksanakan dengan telus.</li><li>• Mengawal persaingan harga mengikut kategori barangan dan mampu mengatasi isu perbezaan harga barang.</li><li>• MOP dapat membantu. Perbezaan harga yang menyebelahi pengusaha tempatan tidak akan merugikan kerajaan kerana keuntungan akan kembali (circulate) ke dalam negara.</li><li>• Pelaksanaan MOP boleh dimantapkan berdasarkan sistem mata.</li></ul>



# Soalan yang diajukan & Maklumbalas daripada Peserta (4/5)

## Penguatkuasaan Dasar Penggunaan Barangan/Perkhidmatan Tempatan Dalam Perolehan Kerajaan

No.	Soalan	Jawapan/Maklum Balas
6	Program Perjanjian Off-Take adalah merupakan salah satu inisiatif Kerajaan untuk membantu pihak industri tempatan menembusi pasaran antarabangsa sekali gus meningkatkan daya saing di peringkat global. Pada pandangan anda, apakah kelemahan pelaksanaan program ini & cadangan penambahbaikan yang perlu dilakukan?	<ul style="list-style-type: none"><li>• Program Perjanjian Off-Take sememangnya mempunyai potensi. Inisiatif Off-Take Bill sekarang hanya bernilai RM80 bilion, walhal total procurement sudah mencecah RM1 trilion.</li><li>• Social enterprises, start-ups, high value innovation/industries perlu digerakkan untuk memanfaatkan program ini.</li><li>• Technology Depository Agency Berhad (TDA) di bawah MOF masih beroperasi di tahap lama kerana hanya memberi fokus kepada low value industry seperti commodity off-take (sawit). Sewajarnya, tumpuan juga diberikan kepada industri lain seperti pertahanan dan keselamatan.</li><li>• TDA should adopt a whole-of-society approach to leverage the huge gap in procurement-off-take.</li><li>• Untuk menjamin keberkesanan pemasaran produk tempatan ke pasaran luar, MATRADE perlu berusaha menempatkan produk PKS tempatan tanpa perjanjian Off-Take dengan fokus kepada produk halal.</li></ul>
7	Apakah pandangan anda berkenaan cadangan untuk mewujudkan takrifan barangan tempatan yang standard berdasarkan peratus kandungan tempatan supaya penggunaannya lebih meluas termasuk eksport? Adakah anda mempunyai cadangan tambahan ke atas perkara tersebut?	<ul style="list-style-type: none"><li>• Barangan tempatan perlu melepasi piawaian antarabangsa yang disahkan oleh agensi pengiktirafan tempatan seperti SIRIM, HACCP, GMP dan sebagainya.</li><li>• Takrifan bukan sahaja berdasarkan peratus kandungan, tetapi juga sumber asal bahan-bahan mentah yang memberi keutamaan kepada bahan asli negara (bukan sumber import) dan sumbangan kepada kelestarian alam sekitar (sustainability).</li></ul>

# Soalan yang diajukan & Maklumbalas daripada Peserta (5/5)

## Penguatkuasaan Dasar Penggunaan Barangan/Perkhidmatan Tempatan Dalam Perolehan Kerajaan

No.	Soalan	Jawapan/Maklum Balas
8	Cadangan-cadangan lain berkaitan penambahbaikan Dasar Barangan/Perkhidmatan Tempatan Dalam Perolehan Kerajaan (jika ada).	<ul style="list-style-type: none"><li>• Isu-isu ketirisan: Orang awam perlu diberi kebenaran untuk mengakses data perbelanjaan kerajaan seperti perusahaan yang dipilih untuk menjadi pembekal kepada pihak kerajaan.</li><li>• Perusahaan tempatan perlu diberi peluang untuk menguruskan sesuatu sistem keselamatan atau aplikasi seperti MySejahtera bagi mengelakkan negara luar mengakses data negara terutamanya dalam sektor Keselamatan, Pendidikan dan Kesihatan.</li><li>• Dasar mesti menyeluruh (all encompassing) dengan mengambil kira value chain sesuatu produk dan perkhidmatan. Sebagai contoh, kerajaan ingin mempromosi barangan dan perkhidmatan halal dan berhasrat untuk melebarkan pasaran eksport. Kerajaan perlu memberi lebih banyak insentif baru dan menarik kepada industri. Rantaian ini melibatkan institusi kewangan Islam untuk pembiayaan, insurans (takaful) untuk memberi perlindungan risiko semasa dalam proses pengilangan dan penghantaran. Sekiranya ini dilakukan, manfaat sampingan (spillover) sangatlah tinggi dan melebar ke industri lain yang dikuasai oleh orang Islam/Bumiputera.</li><li>• The government needs to walk the talk. The government needs to enforce that all procurement of products/services have to be Malaysian produced before going to foreign products. As an example – MDEC has a few thousand MSC Malaysia companies under them yet in the past, MDEC procures IT systems from outside Malaysia. Need to give a chance to our local companies – at least a test-bed.</li></ul>

# Soalan yang diajukan & Maklumbalas daripada Peserta (1/6)

## Pemeriksaan Pelaksanaan Dasar Keutamaan Syarikat Bumiputera Dalam Perolehan Kerajaan

No.	Soalan	Jawapan/Maklum Balas
1	<p>Pada pandangan anda sejauh mana keberkesanan Dasar Keutamaan Syarikat Bumiputera dalam perolehan Kerajaan sedia ada berjaya membantu meningkatkan kapasiti syarikat Bumiputera untuk lebih kompetitif. Apakah halangan yang dikenal pasti menyebabkan dasar ini dilihat kurang berjaya?</p>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tiada masalah dengan polisi yang dibuat cuma berlaku ketirisan sepanjang pelaksanaannya. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh SPRM (2018) Bumiputera hanya menikmati 9% daripada 30% peruntukan perolehan yang diberikan kepada kaum Melayu/Bumiputera. Ini menunjukkan berlakunya sabotaj ekonomi dan lebih perolehan tidak dapat dinikmati oleh Bumiputera.</li><li>• Perlu dimuktamadkan hak pemberian kepada Bumiputera dan memastikan pemberian tersebut adalah berterusan untuk membolehkan syarikat Bumiputera terus maju dan menembusi pasaran global.</li><li>• Perlu difikirkan bagaimana kaedah/cara/pejuang dapat diberikan kepada Bumiputera yang berminat dan berusaha untuk menjayakan perkara ini dan bukannya memberikan hak/keuntungan kepada "rent seeker".</li><li>• Dasar ini boleh berjaya apabila beberapa ketirisan dapat dihentikan. Antaranya, semak semula syarat-syarat yang boleh dimanipulasikan seperti keperluan Bumiputera sebagai pengawal kewangan, peratusan ekuiti Bumiputera. Sebahagian syarikat menggunakan nama Bumiputera sebagai nominee - kerajaan perlu menyelidik siapakah pemegang saham akhir dengan menyiasat ke akar umbi, tidak hanya bergantung kepada maklumat di dalam borang atau `SSM sahaja - go behind the corporate veil.</li><li>• Dasar-dasar perlu dijalankan yang berikut:<ol style="list-style-type: none"><li>1. <i>Reflection &amp; Audit - Conduct a serious reflection exercise and in-depth audit exercise on previous Bumiputera initiatives and policies implemented including structural issues to identify and reflect on what has been done, what has gone wrong and right so that the failed strategies/ interventions do not get repeated; ineffective solutions can be improved and successful solutions can be replicated.</i></li><li>2. <i>Conduct rigorous independent assessments to relook and examine the impact and outcomes of current institutions and agencies handling the Bumiputera agenda - Develop common KPIs which cuts across all ministries and agencies to ensure continuity on the value chain and establish a stringent mechanism to determine, measure and monitor output, outcomes and impact.</i></li><li>3. <i>Need to establish the Economic Sabotage Act - The Government to prevent leakages and occurrences of Bumiputera economic sabotage such as the prevalence of Ali Baba companies by reintroducing new legislation on economic sabotage which requires amendments on Section 20 of the MACC Act 2009. This proposal was mooted by GIACC in late 2018 however has not been pursued since then. (Not sure what the status of this is)</i></li></ol></li></ul>

# Soalan yang diajukan & Maklumbalas daripada Peserta (2/6)

## Pemeriksaan Pelaksanaan Dasar Keutamaan Syarikat Bumiputera Dalam Perolehan Kerajaan

No.	Soalan	Jawapan/Maklum Balas
2	Apakah mekanisme keutamaan Bumiputera sedia ada seperti Carve-Out and Compete, keutamaan harga dan beberapa keistimewaan lain adalah mencukupi untuk membantu syarikat Bumiputera? Apakah cadangan anda untuk meningkatkan keberkesanan dasar ini?	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Transparency of process, transparency of success, and strict graduation adherence. All to be disclosed transparently in a public portal.</i></li><li>• Keutamaan perlu diberikan kepada Bumiputera dan hasil tersebut disalurkan kepada tabung Bumiputera itu sendiri.</li><li>• Salah satu punca kenaikan harga adalah bahan mentah. Maka, pengurangan harga bahan mentah adalah sesuatu yang wajar dipertimbangkan.</li><li>• Selain menentukan syarikat-syarikat yang hendak diberi keutamaan it benar-benar kepunyaan Bumiputera , bukan nominee, temu duga perlu dibuat ke atas Pengarah dan CEO syarikat. Perlu juga lawatan ke premis pejabat untuk menentukan alamat yang benar.</li><li>• Tidak cukup. Program seperti Carve-Out only benefits a few companies and the benefits did not trickle down the supply chain.</li><li>• <i>Bumiputera Supply Chain Systems need strong empowerment and needs to be further constructed and strengthened;</i><ol style="list-style-type: none"><li>1. <i>Conduct a study in each industry supply chain to ascertain Bumiputera's positioning so that proper strategic planning and roadmap can be developed</i></li><li>2. <i>Empower Bumiputera participation in supply chains by encouraging participation of Anchor companies and 2nd tier SMEs in Vendor Development Program ran by MEDAC. This cooperation platform will be beneficial to implement projects aimed at creating better value through resource sharing, market access and sharing of their unique selling point.</i></li><li>3. <i>Increase access to finance and capital resources by enhancing existing Micro Credit Agencies to finance every activity along the Supply Chains and establishing new innovative fundraising models like crowdfunding for financial match and brand building. To also consider revolving funds or factoring facilities to help with cashflow problems.</i></li></ol></li><li>• <i>Introduce an integrated industry-led demand-supply real time fulfilment platform so informed decisions on production and market are demand-driven. This system shall leverage on the Bumiputera database of demand entities (buyers) and market-ready companies (suppliers/sellers) including other ecosystem players.</i><ol style="list-style-type: none"><li>1. <i>Identify Industry Development Organizations (IDO) to help align supply chain strategy with the industry's overall strategy to avoid wastages and reduce production costs.</i></li><li>2. <i>Identify and develop profiles of future business apprentices and next generation of entrepreneurs via alliance and collaborations with supply chain partner and implementing business transformation program for a mind-set paradigm change</i></li><li>3. <i>Leverage on national offset program known as Industrial Collaboration Programme (ICP) under Ministry of Finance's Technology Depository Agency</i></li></ol></li></ul>

# Soalan yang diajukan & Maklumbalas daripada Peserta (3/6)

## Pemeriksaan Pelaksanaan Dasar Keutamaan Syarikat Bumiputera Dalam Perolehan Kerajaan

No.	Soalan	Jawapan/Maklum Balas
2	<p>Apakah mekanisme keutamaan Bumiputera sedia ada seperti Carve-Out and Compete, keutamaan harga dan beberapa keistimewaan lain adalah mencukupi untuk membantu syarikat Bumiputera? Apakah cadangan anda untuk meningkatkan keberkesanan dasar ini? (sambungan)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>To further develop the Bumiputera entrepreneurship ecosystem to be holistic and sustainable;</i></li> <li>1. <i>Bumiputera Data Economic Grid - To develop a Bumiputera Data Economy Grid which consists of data-driven market intelligence and future trends, list of demand entities, database of Bumiputera enterprise profiles and other information. This will enable the registered enterprises to be mapped against the industry demand profile via Big Data Analytics to facilitate Portfolio Management. The benefits include access to targeted and reliable data to ensure meaningful programs at lower costs.</i></li> <li>2. <i>Energizing the power of the community - Establish a digital community to communicate and collaborate with each other within and intra states and establish a comprehensive database (Bumiputera Data Economy Grid) which shall ease the sourcing for JV partners, fund raising and investments, sourcing and sales opportunities.</i></li> <li>3. <i>Next Generation Entrepreneurs – To create awareness campaigns to attract younger Bumiputeras into the Millionaires Entrepreneur club by promoting the idea of “Running your own business” as the 1st. Priority after getting a degree and developing a mentoring/apprenticeship program.</i></li> <li>4. <i>One Stop Center – To establish one coordinating point agency to reach out to guide and facilitate entrepreneurs that has high knowledge of all initiatives by ministries and agencies in the entrepreneurship ecosystem. It is imperative that this facilitation be free from bias in the case of the agency pushing its own agenda to meet its KPIs. There also is a need for a strong ability to maneuver through the bureaucracy. To consider taking the approach of business banks who one stop centres personnel have high level in product knowledge of all initiatives which help the entrepreneurs from being given the run-around.</i></li> <li>5. <i>Institutionalizing Bumiputera enterprises – To institutionalize the supply of Bumiputera companies via developmental programs with structured and formalized processes to validate companies to be market-ready. This can also be a launch pad towards the open market and is developmental in nature i.e., putting the fundamentals in place, creating global mindsets, establishing good governance, upskilling and innovating new business models, products and services.</i></li> <li>6. <i>Accreditation Authority for Bumi SMEs - To conduct a feasibility study on the establishment of an Accreditation Authority to accredit Bumiputera companies of its merit and good delivery (ala CIDB model). This will ease the demand entities’ selection of meritable companies for participation in high level national procurement, international trade missions, etc.</i></li> <li>7. <i>Succession Planning - To ensure proper succession planning, the Government shall create a new breed of highly professional and committed pool of entrepreneurs within GLCs/Private Large Companies via intrapreneurship schemes and infusing business professionals into SMEs via Sweat Equity program.</i></li> <li>8. <i>Demand Generation &amp; Aggregation Mechanism – To establish a structured demand generation and aggregation mechanism to leverage on TERAJU’s Carve-out &amp; Compete initiative, TDA’s ICP program and intelligence/leads from other demand entities which will provide targeted procurement contracts opportunities especially at the planning stage. This will also play a role in breaking any existing monopoly.</i></li> <li>9. <i>Digitalization – To incentivize the increased adoption of ICT among the Bumiputera economic community to enhance their business capabilities and efficiencies via free digitalization advisory and access to affordable digitalization services solution providers.</i></li> </ul>

# Soalan yang diajukan & Maklumbalas daripada Peserta (4/6)

## Pemeriksaan Pelaksanaan Dasar Keutamaan Syarikat Bumiputera Dalam Perolehan Kerajaan

No.	Soalan	Jawapan/Maklum Balas
3	Pada pandangan anda mengenai cadangan Accelerator Program Bagi Kontraktor G1 dan G2 Belia Bumiputera. Adakah cadangan ini mampu meningkatkan kapasiti G1 dan G2 Bumiputera untuk bersaing dengan kontraktor lain? Bagaimana dengan polisi graduasi yang bermakna kontraktor G1 dan G2 Belia hanya dibenarkan kekal di dalam gred tersebut bagi sesuatu tempoh sahaja dan kemudiannya perlu berpindah kepada gred yang lebih tinggi?	<ul style="list-style-type: none"><li>• Selagi wujudnya ketelusan dan adanya graduation process, ia adalah program yang baik.</li><li>• Dasar Pengiktirafan Bumiputera perlu dikaji semula. Kriteria untuk status bumiputera hendaklah jelas. Equity own manage perlulah 100% atau kakitangan dia 70% mestilah Melayu atau bumi barulah dianggap kriteria tersebut sebagai Bumiputera dan kontraktor bumiputera perlu bersaing dengan kontraktor luar yang akhirnya memilih untuk bekerjasama dengan syarikat swasta kerana perlu melalui pelbagai prosedur yang ketat.</li><li>• Cadangan ini memang baik namun pemilihan kontraktor mesti melalui tapisan ketat untuk menentukan ketahanan mental di samping kelayakan dan pegalaman.</li></ul>
4	Adakah penguatkuasaan BO di peringkat permohonan dan pembaharuan penarafan Bumiputera mampu menjamin keabsahan pemilikan oleh Bumiputera semasa kontrak Kerajaan ditandatangani dan berkuat kuasa?	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>No. because control of company can exist outside of agreements sighted.</i></li><li>• Perlu menyiasat the ultimate ownership of equity.</li></ul>
5	Apa pandangan anda mengenai cadangan untuk mewujudkan item-item baharu bagi Kontrak Pusat/Kontrak Sistem Panel sedia ada bagi sektor terpilih bagi meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam perniagaan? Apakah cadangan anda mengenai item-item tersebut?	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Should only open procurement to items that govt needs.</i></li><li>• Wujudkan sistem penggiliran yang adil dan telus mengikut kategori dan kapasiti syarikat perniagaan bumiputera.</li><li>• Cadangan yang baik. Perlu menghadiri bengkel-bengkel yang credible seperti yang dianjurkan oleh Yayasan TERAJU.</li></ul>
6	Adakah cadangan untuk menambah baik skim anak angkat dapat membantu syarikat Bumiputera seperti anda? Jika tidak membantu, apakah aspek yang perlu diberi perhatian oleh Kerajaan?	<ul style="list-style-type: none"><li>• Proses transparensi dan graduasi seperti di atas.</li><li>• Perlu diteruskan.</li></ul>

# Soalan yang diajukan & Maklumbalas daripada Peserta (5/6)

## Pemeriksaan Pelaksanaan Dasar Keutamaan Syarikat Bumiputera Dalam Perolehan Kerajaan

No.	Soalan	Jawapan/Maklum Balas
7	<p>Apa pandangan anda dengan cadangan mewujudkan Agensi Penyelaras Pusat (Central Coordinating Agency - CCA) bagi memantau perkembangan dan prestasi syarikat Bumiputera setelah mendapat kontrak Kerajaan?. Apakah agensi tersebut pada pandangan anda?</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Small agency but with a tech dashboard where all ministries/agencies/GLC have to report internally, Contohnya di bawah PMO</li> <li>• Jabatan Penyelaras dan Keselamatan Perolehan Negara / National Procurement Coordinating and Security Department (NACSED).</li> <li>• Cadangan sangat baik dan perlu bertanggungjawab terus ke Jabatan Perdana Menteri.</li> <li>• TERAJU was supposed to play the role. However, TERAJU only serves the Large Bumi companies (via TERAS program) and Bumi startups (via SUPERB).</li> </ul> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Need to relook at role of TERAJU if they are to play an effective role of Central Coordination Agency</i></li> <li>2. <i>TERAJU 1.0 had been the designated oversight agency for the Bumiputera Agenda since 2011. However TERAJU 2.0 needs to be given a higher mandate and authority to be the centralized coordination body for the Bumiputera Agenda:</i></li> <li>3. <i>TERAJU to be given proper specification of its role and value-added to the process. This can include being more independent and dynamic that provides analysis and operates in an advisory capacity. TERAJU's focus currently focuses on medium-sized SMEs and less on micro and small enterprises (with the exception of SUPERB recipients who tend to be more technology-based). This focus should remain, rather than being stretched thinner to cover micro and small enterprises.</i></li> <li>4. <i>TERAJU needs to focus on higher order strategic and policy work i.e.</i> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. <i>Identify, develop, enhance and advocate current/new policies that will support the Bumiputera ecosystem</i></li> <li>b. <i>develop a 10-year strategic roadmap</i></li> <li>c. <i>examine key strategic areas and supply chain systems to devise interventions in strategic industries for Bumiputera domination, etc.</i></li> </ol> </li> <li>5. <i>TERAJU to reduce and avoid conducting development and funding programs to avoid duplication with other agencies.</i></li> </ol>
8	<p>Pandangan anda tentang cadangan mewajibkan Pengisytiharan Pemunya Benifisial (Beneficial Ownership - BO) semasa proses permohonan/ pembaharuan pendaftaran syarikat bagi mengelakkan amalan kartel, Ali-Baba atau fronting practices? Apakah aspek yang perlu diberi perhatian oleh Kerajaan?</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Best to look at Bumiputera impact rather than BO. Unless 100% because control can be outside of sighted agreements</li> <li>• Sistem yang boleh mengenal pasti biodata individu yang tersenarai dalam sistem pendaftaran syarikat bagi mengelakkan penyalahgunaan maklumat atau pemalsuan maklumat.</li> <li>• Pengisytiharan sahaja tidak cukup. Kerajaan mesti ada kuasa menyiasat untuk menentukan ultimate ownership of equity.</li> </ul>



# Soalan yang diajukan & Maklumbalas daripada Peserta (6/6)

## Pemeriksaan Pelaksanaan Dasar Keutamaan Syarikat Bumiputera Dalam Perolehan Kerajaan

No.	Soalan	Jawapan/Maklum Balas
9	Cadangan-cadangan lain berkaitan penambahbaikan Dasar Keutamaan Syarikat Bumiputera dalam Perolehan Kerajaan (jika ada).	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tingkatkan sokongan termasuk dari sudut kewangan, pengecualian percukaian.</li><li>• Polisi CIDB (2019) yang menghadkan lesen pendaftaran baharu (kontraktor G1 selama 12 tahun, 6 tahun untuk kontraktor yang sudah berdaftar) dan menguatkuasakan penarafan ke G2 bagi kontraktor yang merentasi had sempadan seperti tersebut di atas – amat sukar dikuatkuasakan kerana ia berteraskan pembatalan, dan bukan bersifat insentif.</li><li>• Disarankan agar sistem mata (points system) diperkenalkan berdasarkan tempoh masa dalam pemberian kontrak, yang melibatkan:<ol style="list-style-type: none"><li>1. mata yang beransur-ansur berkurang (misalnya, 12 mata di permulaan, menurun sehingga 0)</li><li>2. kontraktor yang baru naik gred akan menerima bonus mata yang tinggi</li><li>3. pada permulaan polisi ini, kontraktor yang lama dalam bisnes wajar diberi jumlah mata bersesuaian dengan pengalaman mereka (misalnya, &gt;20 tahun = 6 mata; 10-20 tahun = 9 mata; 4-10 tahun = 11 mata; 0-3 tahun = 12 mata)</li><li>4. Penurunan mata wajar dipertimbangkan mengikut:<ul style="list-style-type: none"><li>○ Masa: mata menurun setiap tahun</li><li>○ Kontrak: mata menurun selepas setiap kontrak dimenangi</li></ul></li><li>5. Kelebihan sistem ini adalah tidak melibatkan pembatalan lesen atau manipulasi kenaikan gred atau penubuhan syarikat baharu melalui proksi.</li></ol></li><li>• Polisi graduasi (graduation program) untuk kontraktor Bumiputera yang telah lama menerima bantuan Kerajaan wajar diperhalusi lagi. Untuk pertimbangan seterusnya:<ol style="list-style-type: none"><li>1. Kerangka dwilandasan (dual track) diintegrasikan dengan sistem angka:</li><li>2. Kontraktor am (generalist) yang terlibat dalam pelbagai bidang dan pembekalan/ perkhidmatan/kerja bersifat am. Kontrak-kontrak ini juga lebih meluas. Penurunan mata berdasarkan masa lebih sesuai.</li><li>3. Kontraktor khusus (specialist) yang menujui kepakaran dalam bidang tertentu, di mana jumlah kontrak yang ditawarkan juga kurang jumlahnya dan mungkin tidak konsisten.</li></ol></li></ul>

# Maklumbalas daripada Orang Awam

Orang awam telah menjawab maklumbalas kepada soalan-soalan Kertas Konsultasi Awam di Google Form pada pautan berikut:

[https://bit.ly/Maklumbalas\\_KKA\\_MASA](https://bit.ly/Maklumbalas_KKA_MASA)



## Maklumbalas Kertas Konsultasi Awam (KKA) Bagi Penyediaan Bajet 2022

Sebagai salah satu usaha menambahbaik ketelusan dan keterangkuman di dalam proses penyediaan bajet tahunan Kerajaan, Kementerian Kewangan (MOF) telah menerbitkan Kertas Konsultasi Awam (KKA) sebagai pelengkap kepada Kenyataan Pra-Bajet 2022 yang diterbitkan pada 31 Ogos 2021.

Institut Masa Depan Malaysia (MASA), dengan misi untuk terus maju ke hadapan sebagai sebuah institut pemikir yang bebas dan berdaya saing dalam memberikan cadangan, maklumat dan input polisi kepada pembuat dasar negara, dengan ini berbesar hati menjemput YBhg. Tan Sri/Datuk/Prof/Dr/Tuan/Puan untuk memberikan maklumbalas terhadap mana-mana empat (4) KKA yang telah diterbitkan oleh pihak MOF bagi penyediaan input kepada Bajet 2022, iaitu:

1. Penambahbaikan Dasar Perolehan Kerajaan Berkaitan Barangan/Perkhidmatan Tempatan & Bumiputera;  
<https://www.mof.gov.my/pdf/konsultasi-awam/Penambbaikan-Dasar-Perolehan.pdf>
2. Penambahbaikan Program Bantuan Tunai;  
<https://www.mof.gov.my/pdf/konsultasi-awam/Program-Bantuan-Tunai.pdf>
3. Kajian Insentif Cukai;  
<https://www.mof.gov.my/pdf/konsultasi-awam/Insentif-Cukai.pdf>
4. Penggubalan Akta Tanggungjawab Fiskal atau Fiscal Responsibility Act (FRA)  
<https://www.mof.gov.my/pdf/konsultasi-awam/Akta-Tanggungjawab-Fiskal.pdf>

Maklumbalas YBhg. Tan Sri/Datuk/Prof/Dr/Tuan/Puan perlu dilengkapkan selewat-lewatnya pada 10 September 2021 (Jumaat), jam 5:00 petang

Sekian, terima kasih.

# Gambar Semasa Program



INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

## SOALAN DAN MAKLUMBALAS

(A) Penguatkuasaan Dasar Penggunaan Barangan/Perkhidmatan Tempatan Dalam Perolehan Kerajaan

1. Pada pandangan anda sejauh mana Dasar Barangan/Perkhidmatan Tempatan sedia ada membantu meningkatkan kapasiti industri tempatan terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk bersaing secara global?
2. Apakah halangan yang dikenalpasti menyebabkan dasar ini dilihat kurang berjaya?
3. Apa pandangan anda ke atas cadangan agar diwujudkan satu pusat rujukan setempat bagi mengumpulkan maklumat asas segala barangan/perkhidmatan yang dikeluarkan oleh syarikat tempatan & keperluan agensi Kerajaan untuk merujuk kepada platform ini untuk mendapatkan maklumat kesediaan barangan/perkhidmatan tempatan sebelum melaksanakan sebut harga/tender?
4. Pada pandangan adakah wujud keperluan agar pihak berkuasa yang meluluskan perolehan import perlu dipusatkan kepada satu Kementerian ATAU diberi kuasa kepada semua Kementerian supaya proses pelaksanaan perolehan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien?

5

# Hebahan Media Sosial

**Institut Masa Depan Malaysia**  
Published by Amirul Asyraf · 7 September at 21:38 · 🌐

**BAJET 2022 - KERTAS KONSULTASI AWAM**

MASA mengalu-alukan usaha Kementerian Kewangan Malaysia dalam mendapatkan maklumbalas bagi Kertas Konsultasi Awam (KKA) bagi topik-topik terpilih sebagai sebahagian daripada proses penyediaan bajet 2022. Sila layari lawan sesawang <https://www.mof.gov.my/ms/konsultasi-awam> untuk memuatturun KKA yang berkenaan.

MASA juga sedang dalam usaha mengumpulkan maklumbalas daripada pihak-pihak berkepentingan. ... [See more](#)

**BAJET 2022 - KERTAS KONSULTASI AWAM**

**AKTA TANGGUNGJAWAB FISKAL**

**KAJIAN KE ATAS INSENTIF CUKAI**

**PENAMBAHBAIKAN PROGRAM BANTUAN TUNAI KERAJAAN**

**PENAMBAHBAIKAN DASAR PEROLEHAN KERAJAAN BERKAITAN BARANGAN/PERKHIDMATAN TEMPATAN DAN BUMIPUTERA**

📧 @INSTITUTMASA | 🌐 INSTITUTMASA.COM

**Institut Masa Depan Malaysia**  
Published by Amirul Asyraf · 10 September at 09:58 · 🌐

Selamat pagi.

Terima kasih kepada semua peserta kerana sudi meluangkan masa memberi input, berkongsi idea dan pandangan berkenaan Penambahbaikan Dasar Perolehan Kerajaan Berkaitan Barangan/ Perkhidmatan Tempatan dan Bumiputera.

MASA dalam usaha mengumpulkan maklumbalas daripada pihak-pihak berkepentingan. ... [See more](#)

**PEMACU INTELEK**

**TERIMA KASIH**

**KERTAS KONSULTASI AWAM: PENAMBAHBAIKAN DASAR PEROLEHAN KERAJAAN BERKAITAN BARANGAN /PERKHIDMATAN TEMPATAN DAN BUMIPUTERA**

📧 @INSTITUTMASA | 🌐 INSTITUTMASA.COM



INSTITUT MASA  
DEPAN MAI ΔΥΣΙΑ



# #MAKMURBERSAMA

- [INSTITUTMASA.COM](http://INSTITUTMASA.COM)
- [info@institutmasa.com](mailto:info@institutmasa.com)